

09 JUN 2001

Manila-Perunding

MANILA BELUM BUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERUNDING M'SIA

MANILA, 9 Jun (Bernama) -- Pihak berkuasa Filipina dan para pejuang Moro berbalah sama ada untuk membenarkan dua rakyat Malaysia menjadi perunding bagi pembebasan 13 tebusan yang ditahan.

Ketika ditemui pemberita hari ini, Penasihat Keselamatan Kerajaan Roilo Golez menolak kemungkinan mengheret Malaysia ke dalam "urusan dalaman" Filipina.

"Mengapa Malaysia? Rakyat Filipina sendiri boleh menangani isu ini," kata beliau.

Kumpulan Abu Sayyaf telah mengancam untuk memenggal kepala tiga tebusan rakyat Amerika pada Ahad kecuali bekas senator Malaysia Sairin Karno dan ahli perniagaan Yusuf Hamdan bertindak sebagai perantaraan.

Ketua perunding William Castillo berkata beliau telah tiga kali bercakap dengan jurucakap Abu Sayyaf Abu Sabaya pagi ini menerusi telefon satelit sebagai sebahagian daripada proses rundingan.

Beliau berkata kumpulan itu, yang bersembunyi di kawawan pergunungan di wilayah Basilan bersama tebusan, mendesak untuk berunding dengan kedua-dua rakyat Malaysia itu.

"Bagaimanapun, Sairin telahpun berkata beliau tidak boleh campurtangan tanpa kebenaran Malaysia. Dan kita tahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka tidak akan campurtangan," kata Castillo.

Beliau berkata, oleh kerana ini: "Kita sedang mengkaji kemungkinan menggunakan perunding asing."

Presiden Senat Aquilino Pimentel mengesahkan laporan mengenai kemungkinan kemasukan wakil Malaysia.

"Saya difahamkan bahawa ada cadangan bagi perunding Malaysia terbabit. Maklumat yang saya perolehi ialah perunding Malaysia juga terbabit dalam rundingan Sipadan," kata beliau.

-- BERNAMA

ALJ HS JK FAZ